

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

10. Senaraikan bilangan pelajar yang menerima bantuan pendaftaran pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) sejak 2013 mengikut daerah dan jumlah peruntukan.
- (a) Kenapa hanya lima buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) diluluskan oleh MMK untuk menerima bantuan?
- (b) Adakah kerajaan akan mempertimbangkan lebih banyak IPTS ke dalam senarai IPTS yang boleh menerima bantuan?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Senarai pelajar-pelajar yang menerima bantuan pendaftaran pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) sejak 2013 mengikut daerah dan jumlah peruntukan adalah seperti di Lampiran A.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat komited dalam menjaga kebijakan rakyat Negeri Pulau Pinang lebih-lebih lagi di dalam sistem pembelajaran negara. Selaras dengan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu menjadi negeri maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Pentadbiran ini mengambil inisiatif menggunakan platform yang boleh dicapai oleh semua pengguna untuk menikmati Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institut Pengajian Tinggi secara “one-off” oleh

Kerajaan Negeri.

Sehingga kini sebanyak lima buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sahaja yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi mendapatkan bantuan kemasukan ke lima (5) Universiti IPTS berkenaan adalah :

- (i) Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
- (ii) Universiti Terbuka Wawasan (WOU)
- (iii) Universiti AIMST
- (iv) Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KTAR)
- (v) Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang

Antara asas pemilihan lima (5) universiti tersebut ialah kursus-kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan keperluan negeri ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk membuat pertambahan senarai IPTS.

- b) Selari dengan perkembangan semasa, kejayaan ekonomi dan sosio-politik Pulau Pinang adalah hasil daripada usaha kolektif semua rakyatnya. Atas sebab ini Kerajaan Negeri sudah tentu mempertimbangkan IPTS-IPTS yang lain untuk dimasukkan ke dalam senarai yang boleh menerima bantuan kepada pelajarnya, dengan syarat antara lain terdapat permohonan daripada IPTS itu sendiri.